

MARLISSA KAMAL & NORHANA FARIZA HARUN

INFO

Trump & skandal berpisah tiada
Analisis oleh *USA Today* diterbitkan Jun 2016 mendapati Trump dan empayar perniagaan beliau terlibat dalam 3,500 kes undang-undang di Mahkamah Persekutuan Amerika Syarikat (AS) dan Mahkamah Negeri sejak tiga dekad lalu. Ia disifatkan jumlah yang luar biasa bagi seorang calon Presiden AS.

- Trump mula mendapat perhatian orang ramai pada 1973 apabila dia dituduh oleh Jabatan Kehakiman melanggar Akta Perumahan Adil di bawah operasi 39 bangunan.
- Pada April 1997, Jill Harth Houraney memfailkan saman AS\$125 juta (RM529 juta) terhadap Trump kerana didakwa melakukan serangan seksual pada 1993. Houraney dakwa jutawan hartanah itu meraba dan mahu menjadikannya sebagai hamba seks.
- Pada 2013, Peguam Negara New York, Eric Schneiderman memfailkan saman ke atas Trump yang dituduh menipu AS\$40 juta (RM169 juta) daripada lebih 5,000 individu untuk peluang mempelajari teknik pelaburan hartanah Trump dalam satu program untuk keuntungan latihan, Trump University yang beroperasi dari 2005 hingga 2011.
- Pada 2014, model Alexia Palmer memfailkan saman sivil ke atas Trump Model Management yang pada asalnya menjanjikan gaji tahunan AS\$75,000 (RM317,422) tetapi hanya membayar AS\$3,380.75 (RM14,308.35) untuk tempoh bekerja selama tiga tahun.
- Pada April 2016, seorang wanita bernama Katie Johnson mengemukakan saman mendakwa Trump dan pembiaya, Jeffrey

Dunia terkejut kemenangan Trump


KERAJAAN dari Asia hingga Eropah memberi pelbagai respons, malah ada yang tidak percaya dengan kemenangan Donald Trump dari Parti Republikan dalam Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat (AS) 2016 yang disifatkan paling sengit dalam sejarah negara itu.

Kejayaan jutawan hartanah itu menewaskan Hillary Clinton untuk menjadi Presiden AS ke-45 selepas berjaya mencatatkan kemenangan di *swing state* utama termasuk Florida, North Carolina dan Ohio dengan meraih lebih 270 undi yang diperlukan.

Dalam ucapan kemenangannya di New York, Trump, 70, berjanji untuk memulihkan negara itu.

"Sudah tiba masanya untuk kita menjadi satu bangsa bersatu padu. Saya berjanji kepada semua rakyat bahawa saya akan menjadi presiden untuk semua penduduk AS," katanya.

Ketika berkempen, Trump pernah menyatakan rasa kagum dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin, mempersoalkan rukun



Trump turut diiringi keluarganya ketika berucap sempena kemenangannya di Hilton Midtown, New York. - Foto: AFP

di Senat dan Dewan Perwakilan sebagai 'prospek yang benar-benar menakutkan'.

"Nato akan berada di bawah tekanan, Rusia pula akan mencetuskan masalah. 20 juta orang akan kehilangan insurans kesihatan mereka, dasar perubahan iklim akan ditarik balik dan peraturan bank pula dibubarkan. Adakah anda mahu saya senaraikan lagi

'sangat kejam dan menakutkan'.

"Saya sangat kecewa melihat kemenangan Trump. Hillary Clinton hanya bersuara tentang keamanan tetapi Trump sering bercakap mengenai memerangi orang Islam," katanya.

Di Indonesia, penduduk negara itu mula bimbang bagaimana pentadbiran Trump akan memberi kesan terhadap hubungan antara

Sinar Harian
10/11/16
mls - 2

PROFIL



DONALD TRUMP

- **14 JUN 1946:** Dilahirkan di New York
- **1964-1968:** Mengambil jurusan pengajian perniagaan
- **1971:** Ambil alih syarikat hartanah bapanya
- **1983:** Bina Menara Trump di New York
- **HINGGA 1987:** Sertai Demokrat
- **1987-1999:** Sertai Republikan
- **1999-2001:** Sertai parti Pembaharuan
- **2001-2009:** Sertai semula parti Demokrat
- **2012-2015:** Menjadi hos rancangan realiti TV, *The Apprentice*
- **2012:** Kembali menyertai parti Republikan
- **JUN 2015:** Umum jadi calon presiden mewakili Republikan
- **MEI 2016:** Menang pencalonan Republikan
- **8 NOV 2016:** Berdepan saingan daripada parti Demokrat, Hillary Clinton dalam Pilihan Raya Presiden AS

Trump dan pembilaya, Jeffrey Epstein, merogolnya pada 1994 ketika dia berusia 13 tahun.

- Trump juga pernah beberapa kali dikaitkan dengan mafia
- Pernah muflis pada 1991, 1992, 2004 dan 2009.

EK ELEH

Penganalisis kata Trump dan empayar pemiagaannya **TERLIBAT DALAM 3,500 KES** di mahkamah AS!

Apakah bila seseorang itu semakin banyak kes, dia **LEBIH MUDAH TERPILIH** sebagai pemimpin?



EK ELEH/SAR HAFIZAN

tengah perikatan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) selain mencadangkan Jepun dan Korea Selatan dibenarkan membangunkan senjata nuklear sendiri kononnya untuk memikul beban pertahanan mereka sendiri.

Jutawan hartanah kontroversi itu juga pernah berikrar untuk membatalkan perjanjian global mengenai perubahan iklim yang dimeterai kuasa dunia di Paris pada tahun lalu dan mengadakan rundingan semula berhubung perjanjian antara Teheran dan Barat bagi melonggarkan sekatan ke atas negara itu sebagai pertukaran dengan membenarkan program nuklear negara tersebut dipantau rapi.

Tetapi, kebanyakan negara Barat tidak pasti sama ada bekas bintang realiti TV yang tiada pengalaman dalam politik itu mampu menunaikan janjinya.

Ahli sejarah terkenal, Simon Schama menyifatkan kemenangan Trump dan kekuasaan Republikan

apa yang akan berlaku?," katanya kepada *BBC*.

Orang Islam mula bimbang

Sementara itu, penduduk Islam di kebanyakan negara Asia seakan sukar untuk menerima kemenangan ahli politik populis yang sering menggunakan retorik anti-Islam dan menyampaikan Islamophobia secara terang-terangan sebagai bahagian penting dalam kempennya.

Antara kenyataan paling kontroversi beliau mengenai Islam adalah ketika Disember tahun lalu yang turut mencetuskan kemarahan 1.5 bilion orang Islam di seluruh dunia.

Trump dengan lantang membuat gesaan supaya melarang orang Islam daripada memasuki AS susulan insiden serangan berdarah di California.

Seorang pegawai kerajaan di Pakistan yang enggan identitinya didedahkan turut mengeluh dengan keputusan itu yang disifatkan

AS dan dunia Islam.

"Saya bimbang hubungan antara AS dengan negara Islam akan kembali tegang. Saya sangat takut. Adakah akan berlaku lebih banyak peperangan? Adakah AS akan menyerang negara Islam lagi?," soalan itu diajukan aktivis Indonesia, Alijah Diete.

Selain itu, terdapat juga kebimbangan terhadap dasar anti-Islam yang lebih tegas di bawah pentadbiran Trump yang dikhuatiri akan meningkatkan lagi pengaruh ekstremisme di tenggah-tengah dunia sedang bergelut dengan ancaman meningkat kumpulan militan.

"Apabila AS menggunakan kuasa lebih keras, ekstremis akan mendapat momentum. Pihak yang paling gembira dengan kemenangan Trump adalah Daesh," kata wakil dari Pertubuhan Nahdlatul Ulama di Jakarta, Zuhairi Misrawi.

Beberapa pemerhati juga berharap retorik anti-Islam yang sering dilontarkan oleh beliau hanya

untuk memancing undi dan tidak akan diterjemahkan ke dalam dasar xenophobia yang tegas apabila beliau mula bertugas di Rumah Putih.

Dasar Trump juga dikhuatiri akan mendiskriminasikan orang Islam di AS kerana beliau melihat golongan itu sebagai 'orang asing'.

Kira-kira 3.3 juta penduduk Islam yang mewakili satu peratus populasi di AS kini bimbang dengan sentimen anti-Islam yang kian meningkat dan mungkin menjadi lebih buruk di bawah Trump.

Sementara itu, gerakan Hamas yang mentadbir Genting Gaza menyatakan mereka tidak menjangka perubahan dalam tindakan berat sebelah AS terhadap penduduk Palestin apabila Trump menggantikan Presiden Barack Obama.

"Ia adalah dasar yang konsisten. Tetapi, kami berharap Trump dapat menilai dan mengimbangi semula dasar ini terhadap isu Palestin," kata jurucakapnya, Sami Abu Zuhri.